

# Teliti produk kosmetik elak risiko sakit kronik

**Petaling Jaya:** Aliran menggunakan kosmetik dan produk makanan tambahan dalam kalangan wanita di negara ini berisiko diserang penyakit kronik, antaranya gangguan buah pinggang.

Lebih membimbangkan, produk kosmetik yang mengandungi racun berjadual seperti merkuri, hydroquinone dan tretinoin ini memberikan kesan sampingan kepada kesihatan.

Antara masalah kerap dihadapi sensitif terhadap matahari, radang kulit, gangguan sistem saraf, ruam dan boleh mengganggu perkembangan kanak-kanak.

Pakar Perunding Nefrologi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Nor Fadhlina Zakaria, berkata situasi ini memudaratkan kesihatan dalaman jika label kandungan bahan sesuatu produk itu tidak diteliti sebelum digunakan.

## Risiko kanser kulit

“Bahan seperti hydroquinone meningkatkan risiko kanser kulit, penggunaan tretinoin boleh menyebabkan kulit mengelupas dan pedih.

“Bahan merkuri yang kerap digunakan dalam kosmetik menyebabkan masalah buah pinggang. Bahan ini mudah meresap dalam salur darah apabila disapu pada kulit,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika pada Hari Terbuka Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF), sempena Hari Buah Pinggang Sedunia 2018, di sini, semalam.

Beliau berkata, wanita pada peringkat umur reproduktif antara kategori yang kerap mengambil makanan tambahan pada dos tidak tepat dengan alasan untuk tampil cantik.

Katanya, pengguna disaran mendapatkan nasihat doktor sebelum mengambil sebarang makanan tambahan atau menggunakan produk kosmetik.



Bahan merkuri yang kerap digunakan dalam kosmetik menyebabkan masalah buah pinggang. Bahan ini mudah meresap dalam salur darah apabila disapu pada kulit”

**Dr Nor Fadhlina Zakaria,**  
Pakar Perunding Nefrologi,  
Universiti Putra Malaysia